



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN TAHAP KOMPETENSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN
(KAFA) DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL
TA'ZIM**

MUHAMAD ABDUL BASITH BIN RAZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتدريسي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 2^o.....(hari bulan).....1^o..... (bulan) 202^o.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, MUHAMAD ABDUL BASITH BIN RAZALI, M20171000014, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENILAIAN TAHAP KOMPETENSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR. AZMIL BIN HASHIM dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN TAHAP KOMPETENSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN ISLAM.





UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**PENILAIAN TAHAP KOMPETENSI GURU KELAS AL-
QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA) DI SEKOLAH AGAMA
NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM**

No. Matrik / Matric's No.:

Saya / I :

M20171000014

MUHAMAD ABDUL BASITH BIN RAZALI

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Zuh.
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 20/11/2020

Prof. Madya Dr. Azmil Hashim
(Tandatangan/Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
PROF. MADYA DR. AZMIL HASHIM
PENSYARAH KANAN
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur ke atas Ilahi dengan limpahan rahmatNya serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah tercinta saya, Prof. Madya Dr. Azmil Bin Hasyim kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingannya membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan suksesnya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya yang memberi saya pemudahcara untuk menyiapkan penyelidikan ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya berjaya menyiapkan tugas ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara lansung atau sebaliknya dalam menyelesaikan penyelidikan ini. Terima kasih.



PENILAIAN KOMPETENSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kompetensi guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ). Model kompetensi bungkah air batu (*iceberg competency model*) oleh Spencer dan Spencer digunakan dalam kajian ini. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang menggunakan instrumen soal selidik kepada guru KAFA yang terdiri daripada 120 orang guru KAFA di 10 buah Sekolah Agama Negeri Johor yang terpilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian dipilih secara rawak. Pengumpulan data maklumat diperoleh melalui soal selidik dan analisis secara kuantitatif. Analisis data dalam kajian ini menggunakan kekerapan, peratus, min, ujian-t dan ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru KAFA bagi keempat-empat aspek iaitu pengetahuan kurikulum KAFA iaitu interpretasi tinggi (min=3.78, sp=0.29), pengetahuan pedagogi dalam program KAFA iaitu interpretasi tinggi (min=3.90, sp=0.53), pelaksanaan penilaian yang dilakukan dalam program KAFA dengan interpretasi tinggi (min=3.86, sp=0.48) serta profesional kerja dan sosial kerja berada pada tahap interpretasi tinggi (min=3.84, sp=0.35). Hasil analisis perbezaan kajian melalui ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kompetensi guru KAFA berdasarkan demografi iaitu jantina $t(0.984) = 0.836$, $p > 0.05$, jenis guru KAFA $t(0.681) = 0.216$, $p > 0.05$. Hasil ANOVA terhadap kelulusan akademik $F(2.220) = 0.090$, $p > 0.05$, pengalaman mengajar $F(0.134) = 0.939$, $p > 0.05$, latihan ikhtisas $F(1.096) = 0.338$, $p > 0.05$. Kesimpulan kajian ini, menunjukkan bahawa masih ramai guru KAFA di Sekolah Agama Negeri Johor yang belum mencapai kepada tahap kompetensi yang sepatutnya dan memerlukan penambahbaikan dalam penguasaan terhadap pengetahuan kurikulum KAFA, pengetahuan pedagogi dalam program KAFA, pelaksanaan penilaian yang dilakukan dalam program KAFA serta profesional kerja dan sosial kerja. Implikasi kajian ini, mendapati bahawa guru KAFA hari ini memerlukan lagi latihan yang sesuai dalam meningkatkan kompetensi guru KAFA ke tahap yang lebih baik.





PENILAIAN KOMPETENSI GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) DI SEKOLAH AGAMA NEGERI JOHOR (SANJ) NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kompetensi guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ). Model kompetensi *iceberg competency model* oleh Spencer dan Spencer digunakan dalam kajian ini. Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif yang menggunakan instrumen soal selidik kepada guru KAFA yang terdiri daripada 120 orang guru KAFA di 10 buah Sekolah Agama Negeri Johor yang terpilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian dipilih secara rawak. Pengumpulan data maklumat diperoleh melalui soal selidik dan analisis secara kuantitatif. Analisis data dalam kajian ini menggunakan kekerapan, peratus, min, ujian-t dan ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kompetensi guru KAFA bagi keempat-empat aspek iaitu pengetahuan kurikulum KAFA iaitu interpretasi tinggi (min=3.78, sp=0.29), pengetahuan pedagogi dalam program KAFA iaitu interpretasi tinggi (min=3.90, sp=0.53), pelaksanaan penilaian yang dilakukan dalam program KAFA dengan interpretasi tinggi (min=3.86, sp=0.48) serta profesional kerja dan sosial kerja berada pada tahap interpretasi tinggi (min=3.84, sp=0.35). Hasil analisis perbezaan kajian melalui ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kompetensi guru KAFA berdasarkan demografi iaitu jantina $t(0.984) = 0.836$, $p > 0.05$, jenis guru KAFA $t(0.681) = 0.216$, $p > 0.05$. Hasil ANOVA terhadap kelulusan akademik $F(2.220) = 0.090$, $p > 0.05$, pengalaman mengajar $F(0.134) = 0.939$, $p > 0.05$, latihan ikhtisas $F(1.096) = 0.338$, $p > 0.05$. Kesimpulan kajian ini, menunjukkan bahawa masih ramai guru KAFA di Sekolah Agama Negeri Johor yang belum mencapai kepada tahap kompetensi yang sepatutnya dan memerlukan penambahbaikan dalam penguasaan terhadap pengetahuan kurikulum KAFA, pengetahuan pedagogi dalam program KAFA, pelaksanaan penilaian yang dilakukan dalam program KAFA serta profesional kerja dan sosial kerja. Implikasi kajian ini, mendapati bahawa guru KAFA hari ini memerlukan lagi latihan yang sesuai dalam meningkatkan kompetensi guru KAFA ke tahap yang lebih baik.





THE ASSESSMENT OF COMPETENCY LEVEL OF QURANIC AND FARDHU AIN (KAFA) TEACHERS IN JOHOR RELIGIOUS SCHOOLS (SANJ), JOHOR DARUL TA'ZIM

ABSTRACT

The objective of this research was to explore the competency level of Quranic and Fardhu Ain (KAFA) teachers in Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ) and this research was based on the Iceberg Competency model that was introduced by Spencer & Spencer. The interview was carried out and responded by 120 KAFA teachers from 10 different Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ). The data was collected from interview sessions and quantitative analysis. The data will be analyzed using the frequency, percentages, min, T-Test and ANOVA. The outcome of this study indicated that the competency level of KAFA teachers for four different aspects which were KAFA curriculum was in the medium level of interpretation (min=3.78,sp=0.29), the pedagogy of KAFA program was in the medium level of interpretation (min=3.90,sp=0.53), the evaluation in KAFA program was in the medium level of interpretation (min=3.86,sp=0.48) and professional fields and working social, was in the medium level of interpretation (min=3.84,sp=0.35). The analysis using two different tests which are T-Test and ANOVA also showed that there was no significant difference on the competency level of KAFA teachers accordingly to the demography which were the gender, the type of KAFA teachers, academic qualifications, teaching experiences and ikhtisas training. From the findings, it can be seen that most of the KAFA teachers in Johor religious school have achieved the competency that they should achieve and they are needed to improve their knowledge in KAFA curriculum, the pedagogy of KAFA program, the evaluation in KAFA program and professional fields and working social. It is concluded that most of the KAFA teachers are in need of more suitable trainings in order to improve their competency level to a higher level.



KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	iv
ABSTRACT	v
ABSTRAK	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB I PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.2.1 Latar belakang kompetensi guru KAFA	7
1.2.2 Latar belakang Program KAFA	16
1.2.3 Latar belakang lokasi kajian	20
1.3 Pernyataan Masalah	22



1.4 Objektif Kajian	26
1.5 Persoalan Kajian	27
1.6 Hipotesis Kajian	28
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	29
1.8 Kepentingan Kajian	33
1.9 Batasan Kajian	34
1.10 Definisi Operasional Kajian	36
1.10.1 Penilaian	36
1.10.2 Kompetensi	37
1.10.3 Guru	39
1.10.4 Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)	40
1.10.5 Sekolah Agama Negeri Johor Darul Ta'zim	42
1.11 Penutup	44

BAB II KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan	46
----------------	----





2.2 Teori Berkaitan	47
2.2.1 Model Iceberg	47
2.3 Konsep Kompetensi	52
2.4 Definisi Guru	54
2.5 Konsep Kompetensi Guru	54
2.5.1. Kurikulum	57
2.5.2 Pedagogi	59
2.5.3 Penilaian	61
2.5.4 Profesionalisme Kerja Dan Sosial Kerja	64
2.5.5 Komponen Kompetensi	68
2.5.5.1 Pengetahuan	68
2.5.5.2 Kemahiran	70
2.5.5.3 Profesionalisme Kerja Dan Sosial Kerja	71
2.6 Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)	72
2.6.1 Sejarah Penubuhan KAFA	73
2.6.2 Falsafah KAFA	74
2.6.3 Kurikulum KAFA	76
2.6.4 Objektif Kurikulum KAFA	77
2.6.5 Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) KAFA	79
2.6.5.1 Kaedah P&P al-Quran	79





2.6.5.1.1 Pendekatan Pengajaran al-Quran	79
2.6.5.2 Kaedah P&P al-Quran Dalam KAFA	79
2.6.5.2.1 Bahan Pembelajaran al-Quran Dalam KAFA	84
2.6.5.3 Kaedah P&P Fardu Ain	85
2.6.5.3.1 Pendekatan Pengajaran Fardu Ain	86
2.6.5.3.1.1 Kaedah P&P Tauhid/Akidah	88
2.6.5.3.1.2 Kaedah P&P Ibadat/ Fikah	89
2.6.5.3.1.3 Kaedah P&P Akhlak	90
2.6.5.3.1.4 Kaedah P&P Sirah	91
2.6.5.3.1.5 Kaedah P&P Bahasa Arab	92
2.6.5.3.1.6 Kaedah P&P Jawi dan Khat	94
2.6.5.3.1.7 Kesimpulannya	96
2.6.5.4 Aktiviti-Aktiviti KAFA	96
2.6.5.4.1 Aktiviti Penyelia-penyelia KAFA	97
2.6.5.4.2 Aktiviti Guru-guru KAFA	98
2.6.5.4.3 Aktiviti Murid-murid KAFA	99
2.7 Pentadbiran Dan Pengurusan KAFA Di Johor	100
2.7.1 Pengenalan	100
2.7.2 Pentadbiran KAFA	101
2.7.2.1 Persatuan Guru-guru al-Quran dan Fardu Ain	102
2.7.2.2 Kursus dan Latihan	103
2.7.2.3 Kursus dan Latihan Para Guru KAFA	104
2.7.2.4 Ujian Pencapaian Kelas KAFA (UPKK)	105
2.7.2.4.1 Bidang-bidang Penilaian UPKK	105





2.7.2.4.2 Bentuk Penilaian UPKK	106
2.7.2.4.3 Pemarkahan Dalam UPKK	107
2.7.2.4.4 Penyediaan soalan-soalan UPKK	107
2.7.2.4.5 Syarat-syarat dan Prosedur	109
Menduduki UPKK	
2.7.2.4.6 Sijil UPKK	109
2.7.2.5 Buku Sumber KAFA	110
2.7.3 Pengurusan KAFA	111
2.7.3.1 Pengurusan Pendaftaran Guru-guru KAFA	112
2.7.3.2 Pengurusan Pendaftaran Murid-murid KAFA	113
2.7.3.3 Pengurusan Kemudahan P&P KAFA	115
2.8 Kajian Kajian Berkaitan	118
2.8.1 Kompetensi Guru	118
2.8.2 Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA)	122
2.8.3 Sekolah Agama Negeri Johor	126
2.9 Rumusan	129

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	131
3.2 Reka Bentuk Kajian	132





3.2.1 Kuantitatif	133
3.3 Lokasi Kajian	134
3.4 Sampel Dan Kaedah Persampel	137
3.5 Instrumen Kajian	140
3.6 Kajian Rintis	145
3.7 Kesahan Instrumen Kajian	147
3.8 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	150
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	153
3.10 Prosedur Penganalisan Data	155
3.10.1 Pengumpulan Data Kuantitatif	160
3.11 Tatacara Penganalisan Data	160
3.11.1 Analisis Deskriptif	161
3.11.2 Interpretasi Data Deskriptif	161
3.11.3 Analisis Inferensi	162
3.12 Rumusan	163





BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	164
4.2 Profil Sampel	165
4.2.1 Latar Belakang Demografi	165
4.3 Analisis Dapatan Deskriptif	172
4.3.1.1 Tahap Kompetensi Guru KAFA Terhadap Pengetahuan Kurikulum KAFA	173
4.3.1.2 Tahap Kompetensi Guru KAFA Terhadap Pengetahuan Pedagogi dalam program KAFA	180
4.3.1.3 Tahap Kompetensi Guru KAFA terhadap Pelaksanaan Penilaian Yang Dilakukan Dalam Pengajaran KAFA	188
4.3.1.4 Tahap Kompetensi Guru KAFA terhadap Profesional kerja dan sosial kerja	195
4.4 Analisis Dapatan Inferensi	203
4.4.1 Perbezaan Skor Min Tahap Kompetensi Guru KAFA Berdasarkan Latar Belakang Demografi.	204
4.4.1.1 Perbezaan Skor Min Tahap Kompetensi Guru KAFA Mengikut Jantina	205
4.4.1.2 Perbezaan Skor Min Tahap Kompetensi	207





Guru KAFA Mengikut Jenis Guru KAFA

4.4.1.3 Perbezaan Skor Min Tahap Kompetensi 210

Guru KAFA Mengikut Kelulusan Akademik

4.4.1.4 Perbezaan Skor Min Sehal Perbezaan 213

Tahap Kompetensi Guru KAFA

Mengikut Pengalaman Mengajar

4.4.1.5 Perbezaan Skor Min Sehal Perbezaan 215

Tahap Kompetensi Guru KAFA

Mengikut Latihan Ikhtisas Perguruan

4.5 Penutup 218

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN



5.1 Pengenalan 219

5.2 Ringkasan Kajian 220

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 226

5.3.1 Tahap Kompetensi Guru KAFA Terhadap 226

Pengetahuan Kurikulum KAFA

5.3.2 Tahap Kompetensi Guru KAFA Terhadap 229

Pengetahuan Pedagogi dalam program KAFA

5.3.3 Tahap Kompetensi Guru KAFA terhadap 233

Pelaksanaan Penilaian Yang Dilakukan





Dalam Pengajaran KAFA

5.3.4 Tahap Kompetensi Guru KAFA terhadap Profesional kerja dan sosial kerja	237
5.4 Analisis Dapatan Inferensi	242
5.4.1 Tahap Kompetensi Guru KAFA Mengikut Jantina	243
5.4.2 Tahap Kompetensi Guru KAFA Mengikut Jenis Guru KAFA	244
5.4.3 Tahap Kompetensi Guru KAFA Mengikut Kelulusan Akademik	246
5.4.4 Tahap Kompetensi Guru KAFA Mengikut Pengalaman Mengajar	248
5.4.5 Kompetensi Guru KAFA Mengikut Latihan Ikhtisas Perguruan	250
5.5 Rumusan Kajian	252
5.6 Implikasi Kajian	254
5.7 Cadangan Kajian	260
5.7.1 Cadangan Kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	261
5.7.2 Cadangan Kepada Jabatan	264



Agama Islam Johor (JAIJ)

5.8 Cadangan Penyelidikan Lanjutan	265
------------------------------------	-----

5.9 Penutup	267
-------------	-----

RUJUKAN	268
----------------	-----

LAMPIRAN	278
-----------------	-----

A Soal Selidik	
-----------------------	--



SENARAI JADUAL

NO JADUAL

MUKA SURAT

2.1	Tahap-tahap P&P AL-Quran Dalam KAFA	83
2.2	Tahap-tahap P&P FarduAin Dalam KAFA	87
2.3	Ahli-ahli JPKPK	116
3.1	Bilangan Sekolah Agama Negeri Johor	135
3.2	Populasi Guru KAFA Berdasarkan Daerah Di Johor	136
3.3	Jumlah Populasi Guru KAFA Yang Dipilih	136
3.4	Soal Selidik Pelajar	143
3.5	Skala Likert (persetujuan)	144
3.6	Skala Likert (Kekerapan)	145
3.7	Panel Rujukan Pakar	149
3.8	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	153
3.9	Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif	156
3.10	Nilai Pekali Korelasi	159
4.1	Jumlah Peratus Mengikut Demografi	166
4.2	Profil Sampel Mengikut Jantina	167
4.3	Profil Sampel Mengikut Jenis Guru	168
4.4	Profil Sampel Mengikut Kelulusan Akademik	169



4.5	Profil Sampel Mengikut Pengalaman Mengajar	170
4.6	Profil Sampel Mengikut Latihan Ikhtisas	171
4.7	Aplikasi Kompetensi Guru Terhadap Kurikulum KAFA	174
4.8	Aplikasi Tahap Pengetahuan Pedagogi	180
4.9	Aplikasi Penilaian Yang Dilakukan Dalam Pengajaran KAFA	188
4.10	Aplikasi Profesional Kerja Dan Sosial Kerja	195
4.11	Ujian-t perbezaan aplikasi kompetensi guru Mengikut jantina	205
4.12	Ujian-t perbezaan aplikasi kompetensi guru Berdasarkan jenis guru KAFA	208
4.13	ANOVA Sehala Perbezaan Kompetensi Guru Mengikut Kelulusan Akademik	211
4.14	ANOVA Sehala Perbezaan Kompetensi Guru Berdasarkan Pengalaman Mengajar	214
4.15	ANOVA Sehala Perbezaan min kompetensi guru Berdasarkan latihan ikhtisas perguruan	216



SENARAI RAJAH

NO RAJAH

MUKA SURAT

1.1	Kerangka Teori Kajian	31
1.2	Kerangka Teori Kajian Secara Keseluruhan	32
2.1	Model Kompetensi Iceberg	49
3.1	Pemilihan Sampel Guru KAFA	139

(SASumber Gall, Gall & Borg (2005)





SENARAI SINGKAT

BAHEIS	Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia
JAHEAI	Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Islam Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPM	Jabatan Pendidikan Malaysia
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIJ	Jabatan Agama Islam Johor
JAPIM	Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral
KAFA	Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain
ILIM	Institut Latihan Islam Malaysia
LADAP	Latihan Dalam Pekhidmatan
SANJ	Sekolah Agama Negeri Johor
PIBG	Persatuan Ibubapa Dan Guru
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPI	Penyelaras Dan Pembangunan Pendidikan Islam
SAR	Sekolah Agama Rakyat
TMK	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
UPKK	Ujian Penilaian Kelas KAFA
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
P&P	Pengajaran Dan Pembelajaran





BAB I

PENDAHULUAN



1.1 PENGENALAN

Kompetensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada kemahiran, pengetahuan, dan ciri-ciri peribadi yang perlu ada bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani et al. 2015). Kompetensi ialah satu bentuk piawaian yang menggabungkan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan mahupun





jawatan menurut Daud Ibrahim (2003)(Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012)

Kompetensi guru ialah standard profesional perguruan yang digunakan sebagai satu set kompenan dari kompetensi minimum yang diterapkan dalam pelaksanaan kerja guru. Kompetensi guru juga ialah berkaitan dengan personal, profesional dan sosial seperti kepakaran dalam subjek, pengajaran kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Beare (2001) disokong oleh Saedah Siraj (2012) mengenal pasti kompetensi minimum bagi guru terhadap lima komponen yang sepatutnya digariskan. Antaranya ialah kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion.

Selain itu, pendidikan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) merupakan program pengukuhan dan perkembangan lagi asas-asas pendidikan Islam dalam kalangan murid-murid. Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) merupakan pendidikan agama yang dapat menyokong pendidikan Islam yang dilaksanakan di peringkat sekolah rendah di bawah sistem pendidikan kebangsaan sedia ada.





Kini, pelaksanaan kelas KAFAdiuruskan secara seragam di seluruh negara oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang mula dilaksanakan pada tahun 1990 di seluruh negara (Bani Hidayat & Norhayati Fatmi Talib, 2018). Oleh sebab itu, pendidikan perlulah mencakupi seluruh aspek iaitu spiritual, intelek, imajinasi, fizikal, ilmu, bahasa dan juga perlu mendorong diri manusia ke arah kebaikan dan kesempurnaan. Tujuan akhir daripada Pendidikan Islam adalah menjadikan seseorang muslim tunduk kepada Allah SWT baik secara peribadi, komuniti dan juga seluruh umat manusia (Azyumardi Azra, 2014).

Program KAFA ini memberi penekanan kepada pendidikan al-Quran dan juga perkara-perkara asas Fardhu Ain. Turut menjadi hasrat pihak JAKIM adalah untuk melihat pelajar-pelajar yang terhasil daripada kelas KAFA menjadi pelajar berakhlak mulia sepertimana yang dianjurkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Ini kerana, pelajar-pelajar inilah yang akan meneruskan kerja-kerja dakwah dan perkembangan syiar Islam di Malaysia suatu masa kelak. Ia amat bertepatan dengan pendapat Abdul Karim Zaidan (2001), generasi-generasi ini bakal menjalankan kerja-kerja





dakwah serta menyeru kepada kebaikan yang mana mereka perlu didikan dengan pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013). Disamping itu, ia membantu guru-guru KAFA dalam merealisasikan pendidikan berasaskan Al-Quran dan As-Sunnah dan meningkatkan kompetensi guru.

Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 1990. Kelas ini wujud setelah keputusan dicapai oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melayu (JKHEAI) yang mengadakan persidangan pada 17 Januari 1989. Pelaksanaanya pula diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 September 1989. Seterusnya, pada tahun 1990 pelaksanaan Kafa secara serentak telah dilaksanakan di seluruh Malaysia mengikut negeri masing-masing (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013).

Walaupun Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) terletak di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), namun pengendalian serta pengurusan di peringkat negeri diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) di negeri masing-masing. Di peringkat negeri pula, ia diletakkan di bawah Bahagian Pendidikan Islam Majlis Agama Islam



Negeri. Umpamanya di Johor, pengurusan dan pentadbiran KAFA di negeri Johor diurus oleh Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam, Majlis Agama Islam Johor (JAIJ) dan bahagian ini menguruskan segala-galanya bermula dari penubuhan KAFA, pengambilan guru KAFA, program-program berkaitan guru serta murid KAFA dan semua hal ehwal KAFA. (Bahagian Pengukuhan Pendidikan Islam, Laman web rasmi JAIS www.jais.gov.my).

KAFA juga merupakan satu program yang memperkasa Pendidikan Islam, bidang-bidang yang diajar dalam kelas KAFA adalah meliputi Al-Quran, Ibadah, Akidah, Sirah, Adab & Akhlak Islamiah, Jawi, Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI), Amali Solat dan *Lughatul Quran* (Garis Panduan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (2011), h.44) dipetik dalam kajian (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013). Mengikut perkara 54 (1) Garis Panduan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain KAFA, waktu minima pengajaran dan pembelajaran KAFA ialah tiga puluh enam jam dengan tiga hari persekolahan. Walaubagaimanapun dari segi pelaksanaan, hari persekolahan KAFA berbeza mengikut negeri di mana terdapat negeri yang melaksanakan KAFA selama tiga hari dan sebahagian lagi melaksanakan lima hari seminggu. (JAKIM, 2014). Setelah berada di



Tahun 5, para pelajar akan diuji dengan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) pada penghujung tahun bagi menguji kefahaman dan kebolehan para pelajar. Ujian ini digubal oleh pihak JAKIM dan dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggariskan Falsafah Pendidikan Islam yang berbunyi, “Pendidikan Islam merupakan satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan kemahiran hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”, (Ahmad Mohd Salleh, 2011). Falsafah Pendidikan KAFA juga amat bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam yang mana Falsafah Pendidikan KAFA menggariskan bahawa, “Pengajian Al-Quran Dan Fardhu Ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar Islam ke arah memperkembang fitrah individu (Insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta





menghayati akhlak dan cara hidup Islam”, (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang kajian merupakan pengenalan asas kepada kajian yang ingin dilakukan oleh penyelidik. Kajian ini dilakukan kepada guru KAFA yang mengajar di Sekolah Agama Negeri Johor Johor Darul Ta’zim.



1.2.1 Latar belakang kompetensi guru KAFA

Pada dasarnya pendidikan Islam merupakan tanggungjawab individu, komuniti dan masyarakat. Ini bermakna pentadbiran dan pembiayaan pendidikan dalam Islam telah menggabungkan kebaikan antara dua sistem yang berbeza iaitu sentralisasi dan desentralisasi (Ali Mohammad Jubran Salleh 2002). Pentadbiran lebih kepada demokrasi dan kepelbagaian. Bagi penulis, demokrasi telah menjadi asas dalam pentadbiran sesebuah masyarakat Islam. Oleh itu, tanggungjawab pendidikan hendaklah difahami dengan sebaik-baiknya agar tidak



menjejaskan pelaksanaannya (Hassan Langgulung 1997) yang telah disokong oleh Azizi Umar (2013) di dalam kajiannya

Guru KAFA juga merupakan tunjang kepada sistem pendidikan negara dalam bidang agama islam dan merupakan golongan pelaksana segala dasar dan matlamat yang telah di tetapkan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sehubungan dengan itu program pendidikan guru KAFA perlu diberi galakan untuk membekalkan mereka dengan kemahiran profesional bagi membolehkan mereka mengajar dengan lebih berkesan dan setaraf dengan guru-guru di Malaysia. Jika guru KAFA tidak didedahkan dengan kursus-kursus yang sesuai ia akan menimbulkan masalah dalam penyampaian pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Neil (2002), menyatakan bahawa bagi menyempurnakan tugas dengan sempurna, seseorang ahli profesional perlu mengikuti latihan tertentu untuk memperolehi kemahiran-kemahiran dalam sesuatu profesion dan ini disokong dalam kajian Syed Jaafar (2014).

Peranan guru KAFA sangat diperlukan untuk merialisasikan pendidikan yang berkualiti tinggi dalam dalam mengembangkan Agama Islam. Guru ialah sebagai watak utama dalam menyampaikan ilmu



dituntut supaya mampu menyelesaikan proses pembelajaran dengan sebaik-baiknya. Oleh itu untuk melaksanakan gerak kerja sebagai seorang guru dengan baik, guru wajib memiliki kemampuan tertentu antaranya ialah kompetensi. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkemaskan perancangan dan pembangunan sumber manusia dengan memberikan fokus ke arah melahirkan guna tenaga yang kompeten dan kompetitif (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2004) kenyataan ini disokong oleh Roslan (2014) didalam penulisannya. Namun demikian disebabkan tidak ada satu standard kompetensi dalam bidang perguruan dan program pendidikan guru sebagai panduan di negara malaysia, maka timbul masalah perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja. Kesan daripada masalah tersebut telah menyebabkan ramai guru meletak jawatan atau bersara lebih awal dan *burnout* dalam kalangan guru Saedah & Mohamed(2013).

Sebagai guru yang melaksanakan kurikulum mestilah bersedia dengan ilmu pengetahuan yang cukup sebelum menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pendidik Robiah Sidin (2000). Kenyataan ini disokong oleh Roslan (2014) di dalam penulisannya yang bertajuk kompetensi guru bukan opsyen yang mengajar kemahiran teknikal di kolej





vokasional negeri pahang. Dengan berlakunya keadaan yang dinyatakan oleh Robiah Sidin (2000) ia akan menimbulkan beberapa masalah yang mengakibatkan objektif pengajaran dan pembelajaran sukar untuk dicapai. Apatah lagi bagi seorang guru baru yang kurang pengalaman (Ee, 2005). Jika dinilai disini ia menunjukkan guru-guru KAFA yang dilantik tidak mempunyai masalah. Namun begitu menurut Ingersoll (2003), terdapat permasalahan mengenai guru yang mengajar diluar bidang kepakaran mereka telah timbul sejak tahun 1980an dahulu lagi. Hal ini berlaku kerana berpunca daripada beberapa faktor iaitu kekurangan jumlah guru berbanding dengan kemasukan pelajar, penambahan jumlah pelajar dan penambahan jumlah sekolah yang dibangunkan.

Dalam bidang perguruan walaupun telah ramai guru KAFA yang lama berkhidmat dalam profesion perguruan,tetapi masih terdapat sebilangan guru KAFA yang tidak kreatif dalam menyampaikan isipelajaran dan kemahiran ketika pengajaran amali di dalam bilik darjah dan ini akan menyebabkan murid sukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kandungan dalam mata pelajaran Agama Islam . Malah ianya akan menyebabkan pengajaran guru KAFA akan membosankan dan murid tidak memberi tumpuan dalam pelajarannya atau murid tidak berminat untuk datang ke sekolah agama. Oleh itu, guru KAFA perlulah





kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran, strategi pengajaran dan menyediakan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) bagi menyampaikan isi pelajaran dengan berkesan. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa peranan guru adalah penting dalam melahirkan generasi yang berkualiti pada masa akan datang (Buntat, 2010).

Ada beberapa masalah yang sering menjadi topik perbincangan ialah kurangnya penumpuan murid-murid ketika di dalam kelas dan ini akan menyukarkan mereka untuk memahami sesuatu topik yang diajar oleh guru KAFA terutama pada pengajaran dalam bidang fardhu ain ketika di dalam kelas mahupun di dalam surau atau masjid. Masalah ini mungkin berlaku kerana guru tidak menggunakan alat bahan bantu mengajar yang boleh menarik perhatian murid untuk mengikuti pembelajaran. Pembelajaran yang berkesan dapat dicapai dengan melibatkan secara serentak sebanyak mungkin deria yang boleh (Meng, 2003). Oleh yang demikian, penggunaan Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) oleh guru-guru KAFA adalah amat diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya alat bahan bantu mengajar ini, ia mampu untuk menarik perhatian pelajar, membantu murid lebih memahami sesuatu konsep dan isi pelajaran dengan lebih mudah serta mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang aktif.





Menurut Meng (2003), menyatakan tahap kesediaan pedagogi guru ataupun tenaga pengajar ini adalah sederhana ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Pengetahuan pedagogi adalah amat penting bagi setiap guru KAFA terutamanya bagiguru KAFA di dalam pengajaran fardhu ain ini ketika di dalam bilik darjahmahupun di dalam surau atau masjid kerana ia akan mempengaruhi keberkesanan sesuatupengajaran. Tahap pengetahuan guru ini merangkumi pelbagai aspek seperti pengetahuan isi pengajaran, penyampaian proses pengajaran, pedagogi dan ikhtisasdalam perguruan. Para penyelidik bersetuju bahawa kompetensi yang diperlukan olehguru semasa pengajaran amali dalam fardhu ain adalah komponen kompetensi yang berkaitan denganpengetahuan, kemahiran dan sikap untuk menjadikan pengajaran yang berkesan(Ariffin, 2006).

Selain itu juga, dalam merealisasikan guru KAFA yang kompetensi yang tinggi semestinya guru KAFA itu perlu menguasai kompetensi penilaian.Kompetensi penilaian merujuk kepada kecekapan seseorang guru menilai kerja murid serta menganalisis data yang dikumpulkan daripada pelbagai sumber penilaian. (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015). Ia juga dilihat sebagai satu proses





untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu pembelajaran dan pengajaran sebagai suatu usaha memperbaiki dan mempertingkatkan kaedah dan teknik PdP supaya lebih berkesan (Saedah Siraj & Mohammed Sani, 2012). Dengan adanya penilaian yang berkesan ia akan membantu guru KAFA dalam menilai murid secara lisan, membaca dan kemahiran. Dalam konteks pembelajaran bahasa, kompetensi penilaian sangat berkait rapat dengan kecekapan guru mengukur dan menilai kemampuan murid khususnya aspek bertutur (Morana, 2013). Bertepatan dengan kenyataan ini secara tidak langsung ia membantu guru KAFA dalam meningkatkan kemahiran dalam penguasaan bacaan Al-Quran. Kompetensi ini menuntut kecekapan guru dalam menilai kerja murid dan kemajuan guru KAFA untuk membuat laporan, melapor secara konstruktif kepada ibu bapa, menyimpan rekod kemajuan serta mencari penanda aras bagi kemajuan tersebut (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015).

Rohaya Talib & Mohd Najib (2008) menyatakan bahawa pengetahuan guru terhadap aspek ini tertumpu kepada lima kemahiran iaitu mahir dalam kaedah pentaksiran, kaedah pengukuran, pengujian, penskoran dan pengredan serta statistik dan pelaporan. Ini menunjukkan bahawa penguasaan terhadap penilaian amat penting dalam melahirkan murid yang cemerlang. Penguasaan penilaian amat membantu guru KAFA





dalam menyediakan laporan kepada ibubapa dan mana-mana pihak yang tertentu. Oleh itu, maklumat ini diinterpretasi bagi tujuan pelaporan kepada ibu bapa dan pihak-pihak yang berkaitan dan ia sangat berguna dalam usaha memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang (Mohammed Sani, Ahmad Zabidi, Husaina Banu, 2015). Ketidakekapan guru KAFA dalam aspek penilaian membawa kepada beberapa implikasi iaitu yang pertama penghasilan pelajar menjadi tidak adil. Kedua ialah guru tidak dapat mencungkil prestasi sebenar pelajar dan yang ketiga laporan pelajar yang dihasilkan tidak tepat untuk ditunjukkan kepada ibu bapa.

Selain itu, Kompetensi penilaian yang diperoleh daripada beberapa standard kompetensi guru luar negara memecahkan kompetensi ini kepada beberapa aspek utama. Carlo Magno (2013) menjelaskan kompetensi penilaian perlu meliputi aspek perancangan, penilaian dan pelaporan. Tahap kompetensi penilaian guru KAFA ditentukan melalui perancangan guru KAFA terhadap kaedah penilaian, yang kedua ialah dengan keupayaan menggunakan data yang dikumpulkan dan diikuti dengan cara atau teknik bagaimana pelaporan itu diberikan kepada ibu bapa, pihak sekolah dan pentadbir serta kepada murid itu sendiri.





Selain itu, guru KAFA sebagai tenaga pendidik yang tugas utamanya mengajar tentang agama islam di sekolah yang diiktiraf. Ia seharusnya memiliki karakteristik kepribadian yang sangat berpengaruh terhadap keberhasilan pengembangan sumber daya manusia dalam melahirkan murid yang cemerlang dalam bidang Agama Islam. Kepribadian yang mantap dari sosok seorang guru KAFA akan memberikan teladan yang baik terhadap anak didik mahupun masyarakatnya, sehingga guru KAFA akan tampil sebagai sosok yang patut “digugu” (ditaati nasihat/ucapan/perintahnya) dan “ditiru” (di contohi sikap dan perilakunya). Kepribadian adalah faktor yang sangat berpengaruh terhadap keberhasilan seseorang guru sebagai pengembang sumber daya manusia. Kerana guru berperanan sebagai pembimbing, pembantu dan sekaligus menjadi ikutan.

Menurut Zakiah Darajat bahwa kepribadian itulah yang akan menentukan apakah ia menjadi pendidik dan pembina yang baik bagi anak-anak didiknya, ataupun akan menjadi perosak atau penghancur bagi masa depan anak-anak didiknya terutama bagi anak didik yang masih kecil dan mereka mudah terpengaruh dengan benda baru. Oleh kerana itu, semua guru KAFA sangat diharapkan memahami bagaimana perwatakan keperibadian dirinya yang diperlukan sebagai teladan kepada anak





muridnya. Secara konstitusional, guru hendaknya berkepribadian yang beriman dan bertaqwa kepada Tuhan Yang Maha Esa., di samping harus memiliki kualiti dan keahlian sebagai tenaga pengajar seperti yang diharapkan oleh pihak berkenaan.

1.2.2 Latar belakang Program KAFA

Kelas alquran dan fardhu ain (KAFA) merupakan langkah dan usaha yang bijak dilakukan dalam mendidik serta membentuk murid-murid sekolah rendah ke arah memperkembangkan individu mengikut acuan yang di anjurkan oleh al-Quran dan as-Sunnah. Ini bertepatan dengan falsafah KAFA yang ada dalam Buku Garis Panduan KAFA (2011) iaitu pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain adalah satu usaha berterusan untuk mendidik dan membentuk pelajar-pelajar Islam ke arah memperkembangkan fitrah individu (Insan) selaras dengan kehendak Al-Quran dan As-Sunnah. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan manusia yang terdidik dengan didikan Al-Quran dan As-Sunnah yang kuat iman dan amalannya kepada Allah serta menghayati akhlak dan cara hidup Islam. Selain itu, ia juga bertepatan dengan konsep yang di tetapkan iaitu Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas





Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain.(Buku Garis Panduan KAFA, 2011) (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013).

Program ini ditujukan kepada murid-murid sekolah rendah yang berumur 7 tahun hingga 12 tahun atau murid tahun 1 hingga tahun 6.Ia dilaksanakan secara seragam oleh majlis agama negeri masing-masing.

Dari segi peruntukan kewangan ia di sediakan dan diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program KAFA di Johor merupakan satu pendekatan pembelajaran yang berkesan kepada rakyat seluruh negeri Johor kerana program ini telah mengajar ilmu Al-Quran dan Fardhu Ain secara formal. Oleh itu, sejarah penubuhan KAFA di Johor telah dilaksanakan pada tahun 1990 seiringan dengan peringkat Malaysia setelah terbinanya sekolah agama kerajaan Johor (SAKJ). Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) merupakan sekolah pendidikan Islam yang ditadbir terus oleh Kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. SAKJ diwujudkan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia SultanJohor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu secara percuma bagi





memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh pihak pemerintah. Kini, Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ) telah diterima oleh masyarakat Islam Johor sebagai satu keperluan walau pun di masa yang sama anak-anak mereka mendapat pendidikan agama menerusi matapelajaran pendidikan Islam yang diajar di Sekolah Rendah dan Menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehingga tahun 2002 jumlah murid ialah 212,030 orang yang melibatkan 3,168 orang guru (Osman Abdul Rahman 2009)



Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) mula dilaksanakan di Malaysia pada tahun 1990. Kelas ini wujud setelah keputusan dicapai oleh ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Melayu (JKHEAI) yang mengadakan persidangan pada 17 Januari 1989. Pelaksanaanya pula diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 September 1989. Seterusnya, dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia tahun berikutnya, iaitu 1990. Penubuhan kelas KAFA di sesebuah sekolah mahupun tempat perlulah mengikut garis panduan serta tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Garis Panduan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) 2011, h.53) dipetik dalam kajian (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013). Syarat-syarat yang diletakkan





oleh pihak JAKIM haruslah dipatuhi dan digunakan sebagai rujukan sebelum permohonan menubuhkan KAFA di sesuatu tempat dimulakan.

Sebagai satu program yang memperkasa Pendidikan Islam, bidang-bidang yang diajar dalam kelas KAFA adalah meliputi Al-Quran, Ibadah, Akidah, Sirah, Adab & Akhlak Islamiah, Jawi, Penghayatan Cara Hidup Islam (PCHI), Amali Solat dan *Lughatul Quran* (Garis Panduan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (2011), h.44) dipetik dalam kajian (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie 2013). Kelas ini harus dilaksanakan selama 36 jam sebulan.

Setelah berada di Tahun 5, para pelajar akan diuji dengan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) pada penghujung tahun bagi menguji kefahaman dan kebolehan para pelajar. Ujian ini digubal oleh pihak JAKIM dan dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia. Sekolah-sekolah rendah di Bahagian Keluang, Johor juga turut mengadakan kelas KAFA dan jumlah pelajar KAFA di Bahagian Keluang, merupakan antara yang teramai di Johor. Kekuatan Pendidikan Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) di Bahagian Keluang, Johor dapat dilihat dari sudut peranan pihak JAIS Keluang,, peranan Pentadbir Sekolah dan Peranan Guru KAFA di Bahagian Keluang, dalam menjayakan kelas KAFA ini.





1.2.3 Latar belakang lokasi kajian

Johor ialah sebuah negeri yang berada di negara malaysia yang terletak di semenanjung tanah melayu arah selatan dengan keluasan 11 796km persegi, dari selatan ke utara sejauh 169km dan timur ke barat sejauh 203km serta mempunyai lapan daerah, iaitu Mersing, Kota Tinggi, Kluang, Segamat, Muar, Batu Pahat, Pontian Dan Johor Bharu (Kemajuan Johor, 1961) dipetik dalam kajian (Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011). Dalam buku yang bertajuk 'Tajuk Johor (2000) dimasukkan dalam kajian Amin M. H. & Jasmi K. A. (2011) disebutkan bahawa keluasan johor ialah 18 986km persegi memanjang dari selatan ke utara sejauh 225km dan lebarnya dari barat ke timur ialah 193km, iaitu dari Endau ke Muar. Kedudukan johor ialah di selatan tanah melayu yang bersepadan dengan Negara Singapura di sebelah selatan Johor.

Secara umumnya, pembelajaran Pendidikan Islam di Negeri Johor semakin berkembang dari tahun ke tahun. Sebagaimana yang kita telah ketahui bahawa Pendidikan Islam telah lama dilaksanakan di negeri johor kerana berlakunya perkembangan agama islam semenjak zaman berzaman lagi. ini terbukti dengan kehadiran british yang sudah mula menguasai Tanah melayu dan mengambil alih hak pentadbiran negeri secara tidak





langsung. Ini menyebabkan kebangkitan dari Sultan Johor pada masa itu ialah Sultan Abu Bakar (1862-1895) untuk mempertahankan agama islam. (Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011).

Dengan adanya Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Johor (UTK) pada tahun 1895, maka kerajaan Negeri Johor telah terlibat secara tidak langsung dalam perkembangan pendidikan agama islam pada masa itu. Ini telah memberi manfaat kepada rakyat Johor untuk menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari agama islam dengan guru-guru yang mahir agama islam dan ini telah menjadikan budaya rakyat di sekitar negeri johor. Hasil daripada itu, secara tidak langsung pembagunan pendidikan islam berteraskan prinsip-prinsip islam dapat dipertingkatkan. Hal ini dapat dilihat dalam Falsafah Pendidikan Islam Negeri Johor: Pendidikan sebagai wadah yang cangguh dan dinamik bagi pembentukan insan yang kemilau dan syahi secara padu dan seimbang berteraskan prinsip akidah, syariah dan akhlak yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak melalui proses ta'lim, tarbiah dan ta'dib yang berterusan yang menjadi asas pelaksanaan tanggungjawab kalifah untuk mencapai hasanah didunia dan akhirat. (Tajuk Johor, 2000: 119)(Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011).





Johor merupakan sebuah negeri yang mengamalkan persekolah secara formal pada tahun 1880-an lagi. Kenyataan ini disokong oleh *laporan singapore and strait directory (1882 : 127)* yang menyebut bahawa jabatan pelajaran telah wujud di johor. Selain itu, pada tahun 1883 di selangor telah adanya sekolah melayu manakala di perak masih tidak ada sekolah melayu tetapi di johor, seorang individu bernama Ibrahim Munsyi berjaya menubuhkan empat buah sekolah Melayu, iaitu di Johor Bharu, Pengerang, Padang, dan Tanjung Surat (fawzi dan hasrom, 1978:83)(Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011).



1.3 PERNYATAAN MASALAH

Kajian tahap kompetensi guru KAFA di sekolah negeri johor telah meletakkan beberapa pernyataan masalah yang telah digariskan. Beare (2001) menjelaskan kompetensi minimum bagi guru terhadap lima komponen yang sepatutnya kompeten. Lima komponen itu ialah kurikulum, pedagogi, penilaian, sumbangan kepada sekolah dan sumbangan kepada profesion. Ini juga telah diguna dalam kajian Saedah Siraj (2012). Dalam kajian pada tahun 1994 sehingga 2017 daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap pengajaran





dan pembelajaran dalam kalangan guru termasuk guru yang mengajar KAFA dan murid masih boleh dipersoalkan terutamanya daripada aspek pelaksanaan strategi, bahan bantu mengajar (BBM), kaedah pengajaran, dan profesionalisme.(Mohamad Fazli 2000,Nidzamuddin 2004, Nazlin 2012, Hafizul Rasdi 2013). Kenyataan ini juga disokong oleh Bani Hidayat dan Norhayati Fatmi Talib(2018).

Menurut Hafizul Rasdi dan Abdul Razak Abdul Kadir (2012) dalam kajiannya iaitu analisa kekuatan & kelemahan pendidikan kelas al-quran dan fardhu ain (KAFA) di sekolah-sekolah zon pusa, sarawak, kebanyakan guru KAFA tidak menguasai kurikulum KAFA khususnya Bahasa Arab, Jawi, Kefahaman Ayat dan Ilmu Tajwid.Ini menunjukkan bahawa ada kelemahan guru KAFA dalam penguasaan aspek pengetahuan kurikulum dan kajian terhadap pengetahuan kurikulum diperlukan.Hal ini dibuktikan dengan kajian Sidin (2007) yang menyebut guru permulaan iaitu guru yang baru di sekolah memberikan asas pengetahuan yang lemah dan melemahkan pula para pelajar.ini berlaku krana guru KAFA ini kekurangan ilmu dalam menyampaikan isi pelajaran.

Manakala Nordin et al. 2005 pula menyatakan bahawa guru permulaan terapung atau tenggelam dalam profesion perguruan kerana





mereka kurang mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pendidik atau pensyarah yang berpengalaman. Mohammad bin Abu Bakar & Mohd Aderi Bin Che Noh (2019) menjelaskan kemahiran pengajaran guru yang kurang berkesan akan menyebabkan prestasi dan kemampuan murid sentiasa berada ditahap yang sederhana. Dengan sokongan diatas menunjukkan bahawa guru KAFA masih kurang dalam penguasaan pengetahuan pedagogi yang menyebabkan guru KAFA tidak boleh mengaplikasi pedagogi pengajaran dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dengan betul. Dapatan kajian daripada Nooreiny et.al (2003) pula menyatakan kebanyakan sekolah tidak memberikan banyak tumpuan untuk membentuk persekitaran yang membantu kepada pembelajaran yang dapat meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Disini menunjukkan bahawa pihak sekolah tidak mementingkan persekitaran kelas dengan baik dalam membantu guru untuk melakukan pedagogi yang berkualiti.

Ketidak cekapan guru KAFA dalam aspek penilaian terhadap murid membawa kepada beberapa implikasi iaitu penghasilan murid menjadi tidak adil, guru KAFA tidak dapat mencungkil prestasi sebenar murid dan laporan murid yang dihasilkan tidak tepat untuk dipersembahkan kepada ibu bapa (Noor Shamshinar, 2017). Guru KAFA





masih kurang dalam penguasaan penilaian dan penilaian amat penting dalam perkembangan murid, ia disokong oleh Yusof Boon (2012) dalam penulisan jurnalnya menyatakan bahawa sistem pendidikan kita adalah terlalu berorientasikan kepada peperiksaan dan ianya adalah kurang baik dari segi membuat penilaian terhadap pelajar kita secara holistik dan menyeluruh dari masa ke semasa. Hal ini terbukti kerana masih banyak pihak yang menggesa agar kurikulum program latihan keguruan diperkukuhkan dan dimantapkan (Duki, 2004; Yacob, 2005). Ini menunjukkan bahawa kepeluan untuk mengetengahkan latihan keguruan yang efektif bagi melahirkan guru yang berkualiti dalam pelbagai aspek.

Antara masalah yang perlu digariskan ialah tahap profesionalisme iaitu profesional kerja dan sosial kerja berada pada tahap yang sama walaupun guru KAFA itu telah lama berkhidmat dan yang baru berkhidmat. Bani Hidayat & Norhayati Fatmi Talib, (2018) menjelaskan bahawa tahap profesionalisme guru KAFA iaitu tahap profesional kerja dan sosial kerja pada tahap yang sama antara guru yang baharu berbanding mereka telah berpengalaman walaupun dari aspek berbeza zon-zon di Malaysia. Selain itu, Mohammad & Mohd Adri (2019) menjelaskan ramai guru yang hadir mengikuti latihan kemahiran pendidikan tidak mempraktikkan





sepenuhnya kemahiran dan latihan yang diberikan sama ada di peringkat persekutuan atau di peringkat negeri. Selain itu, guru-guru mata pelajaran ini juga masih tidak menunjukkan penampilan yang kemas ketika di hadapan pelajar dan menunjukkan sikap profesional kerja dan sosial kerja yang negatif sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan (Zaiha Nabila 2014). Kenyataan diatas membawa maksud bahawa guru KAFA amat lemah dalam penguasaan profesional kerja dan sosial kerja serta memerlukan kajian yang mendalam. Penyelidik telah menggariskan masalah yang perlu diberi perhatian dalam menyelesaikan penyelidikan ini.



1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Disamping beberapa tujuan am kajian ini, maka penulis juga mensasarkan beberapa objektif yang lain antaranya untuk:

1. Mengenalpasti tahap kompetensi guru KAFA terhadap pengetahuan kurikulum KAFA
2. Mengenalpasti tahap kompetensi guru KAFA terhadap pengetahuan pedagogi





3. Mengenalpasti tahap kompetensi guru KAFA dalam kemahiran melaksanakan penilaian yang digunakan
4. Mengkaji tahap kompetensi guru KAFA terhadap professional kerja dan sosial kerja
5. Mengenalpasti perbezaan kompetensi guru KAFA (pengetahuan kurikulum, pedagogi, penilaian, profesional kerja dan sosial kerja) mengikut demografi (jantina, jenis guru, akademik, pengalaman dan ikhtisas)



1.5 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif berikut, penulis telah menggariskan enam persoalan utama sebagai titik tolak dalam proses pengumpulan data untuk membuat kajian.

Persoalan yang ditetapkan ialah ;

- a) Apakah tahap kompetensi guru KAFA terhadap pengetahuan kurikulum KAFA?
- b) Apakah tahap kompetensi guru KAFA terhadap pengetahuan pedagogi?





- c) Bagaimanakah tahap kompetensi guru KAFA dalam kemahiran melaksanakan penilaian yang digunakan?
- d) Bagaimanakah tahap kompetensi guru KAFA terhadap professional kerja dan sosial kerja?
- e) Adakah terdapat perbezaan kompetensi guru KAFA (pengetahuan kurikulum, pedagogi, penilaian, profesional kerja dan sosial kerja) mengikut demografi (jantina, jenis guru, akademik, pengalaman dan ikhtisas)?



1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis no1 1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap kompetensi guru KAFA mengikut jantina.

Hipotesis no1 2 :Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap kompetensi guru KAFAmengikut jenis guru

Hipotesis no1 3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap kompetensi guru mengikut kelulusan akademik





Hipotesis no1 4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor tahap kompetensi guru mengikut pengalaman mengajar

Hipotesis no1 5 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min tahap kompetensi guru mengikut latihan ikhtisas perguruan

1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Kerangka konseptual kajian dibentuk berdasarkan model utama kajian iaitu Model Kompetensi Bungkah Air Batu (Iceberg Competency Model) oleh (Spencer & Spencer, 1993). Menurut Spencer & Spencer (1993) disokong oleh Roslan (2014), Kompetensi ialah ciri-ciri yang terpendam seseorang dan berkaitan dengan keberkesanan prestasi individu dalam pekerjaannya (an underlying characteristic 's of an individual which is causally related to criterion - referenced effective and or superior performance in a job or situation). Underlying Characteristics membawa makna kompetensi adalah sebahagian dari personaliti yang mendalam dan melekat kepada seseorang serta perilaku yang dapat diramalkan pada pelbagai keadaan dan tugas pekerjaan. Criterion Referenced membawa makna bahawa kompetensi sebenarnya ramalan siapa yang berprestasi






baik, diukur dari kriteria atau standard yang digunakan. Causally Related mempunyai maksud kompetensi adalah sesuatu yang menyebabkan atau meramalkan tingkah laku dan prestasi.


Berdasarkan kerangka konseptual kajian, penyelidikan ini dibuat untuk mengenalpasti sama ada terdapat perhubungan yang signifikan antara kompetensi guru yang di gariskan antara demografi kajian yang merangkumi jantina, jenis guru, kelulusan akademik, pengalaman mengajar dan latihan ikhtisas. Kerangka ini juga menjelaskan bahawa kompetensi guru dibahagi kepada 4 aspek iaitu, pengetahuan kurikulum, pengetahuan pedagogi, kemahiran melaksanakan penilaian dan profesionalisme guru iaitu profesional kerja dan sosial.

Rajah 1.1 merupakan kerangka konseptual kajian yang menggambarkan keseluruhan aspek penting dalam kajian tahap kompetensi guru KAFA terhadap elemen yang digariskan. Berdasarkan kerangka konsep, guru KAFA perlu mempunyai elemen kompetensi terdiri daripada aspek pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme. Elemen kompetensi ini penting bagi seseorang guru bagi menghasilkan guru KAFA yang b





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian Kompetensi Bungkah Air Batu (Iceberg Competency Model) Spencer & Spencer, (1993)



Rajah 1.2. Kerangka Teori Kajian Kompetensi Bungkah Air Batu
(Iceberg Competency Model) Spencer & Spencer, (1993)

Rajah 1.2 merupakan kerangka teori kajian yang telah dibina bagi menyatakan secara langsung berhubung dengan keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Pemboleh ubah bebas kajian ini ialah komponen kompetensi guru, sementara pemboleh ubah bersandar ialah guru KAFA yang menggambarkan kedua-dua pemboleh ubah ini mempunyai hubungan secara langsung di antara satu sama lain. Tahap kompetensi guru yang mengajar dalam program KAFA melibatkan tiga faktor utama iaitu Pengetahuan terhadap kurikulum dan pengetahuan pedagogi. Yang kedua melibatkan kemahiran dalam membuat penilaian terhadap murid di



Sekolah Agama Negeri Johor. Yang ketiga ialah profesionalisme yang melibatkan professional kerja dan sosial kerja. Dalam kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada guru KAFA yang mengajar di Sekolah Agama Negeri Johor terhadap kompetensi guru KAFA dalam usaha meningkatkan ilmu pengetahuan terhadap kurikulum dan pedagogi, kemahiran penilaian serta sikap terhadap tugas. Berdasarkan kepada teori yang telah diperjelaskan di atas, pengkaji telah membangunkan satu kerangka teori kajian bagi menunjukkan perkaitan di antara teori tersebut dengan kajian yang dijalankan seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat mustahak kepada beberapa pihak seperti berikut;

a) Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) :-

Membantu JAIJ dalam membuat polisi, penyelarasan dan pengurusan yang sistematik ke atas sekolah-sekolah persendirian yang sebelum ini berjalan dengan sendiri tanpa keprihatinan daripada JAIS.





**b) Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia dan Kerajaan
Persekutuan:-**

Membantu JAKIM atau Lembaga Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dalam melihat permasalahan yang dihadapi oleh pengurusan negeri dan sekolah dalam menggerakkan KAFA di peringkat bawah.



c) Pihak Pengurusan Sekolah :-

Membantu dan menyelaraskan pengurusan sekolah agar melihat keutamaan dalam kewujudan sekolah tanpa menjejaskan tujuan dan asas penubuhan.

1.9 BATASAN KAJIAN

Pembatasan kajian ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu tahap kompetensi guru KAFA, program KAFA dan perbezaan tahap kompetensi berdasarkan demografi.



- a) Dari aspek tempat kajian yang mana tempat kajian hanya di khusus ke atas Sekolah Agama Negeri Johor peringkat rendah di Johor Malaysia. Sampel kajian adalah tertumpu kepada guru KAFA
- b) Kajian hanya melibatkan guru KAFA di Daerah Johor Bharu, Kulai, Pontian Dan Pasir Gudang Negeri Johor sahaja dan bukan murid-murid KAFA
- c) Kajian ini tidak melibatkan Sekolah Menengah Agama Negeri Johor dan bukan Sekolah Agama Rakyat

Secara keseluruhan, segala keputusan kajian ini adalah bergantung kepada jawapan yang diberikan responden dan juga prosedur statistic yang digunakan. Ketepatan dan kesempurnaan kajian ini banyak bergantung kepada keesahan instrument kajian yang digunakan dengan andaian satu peroluan jawapan yang ikhlas, jujur dan kerjasama daripada responden. Ini adalah kerana responden menggunakan persepsi dan daya ingatan mereka tentang sesuatu perkara yang dikaji. Oleh itu, hasil kajian ini di pengaruhi suasana dan peristiwa semasa kajian ini dijalankan dan kemungkinan ia tidak dapat mewakili kesahan yang sebenar.



1.10 DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

Definisi operasional kajian merupakan difinisi kepada tajuk kajian yang kita ketengahkan dalam penulisan kajian

1.10.1 Penilaian

Stufflebeam (2003) menyatakan penilaian merupakan satu proses perancangan, pemerolehan, laporan dan pelaksanaan secara deskriptif dan penilaian maklumat mengenai kebaikan, nilai, kejujuran dan signifikan sesuatu objek dalam mengawal membuat keputusan, pertanggungjawaban, menyebarkan amalan yang efektif dan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu program pendidikan. Menurut Tyler (1950) proses ini melibatkan dalam menentukan sejauhmana objektif-objektif pendidikan itu berjaya mencapai matlamatnya.

Menurut Sudjnana (1989) pula, penilaian adalah satu tindakan atau kegiatan untuk melihat sejauh mana tujuan-tujuan instruksional telah dapat dicapai atau dikuasai oleh pelajar dalam bentuk hasil-hasil pelajar yang diperlihatkannya setelah mereka menempuh pengalaman belajarnya (Md. Yusof, Rahmah and Ismail, Zaipah and Abdullah, Christina Andin @ Nur Qistina and Buntat, Yahya and Nordin, Mohd.





Safarin 2014). Dalam kajian ini penilaian diguna pakai untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan kompetensi guru KAFA mengikut pengetahuan kurikulum KAFA, pengetahuan pedagogi KAFA, kemahiran pelaksanaan penilaian terhadap program KAFA serta profesional kerja dan sosial kerja untuk dianalisis. Selain itu, penilaian untuk menilai perbezaan kompetensi guru KAFA mengikut aspek yang dinyatakan berdasarkan demografi.



1.10.2 Kompetensi

Istilah *competence* berasal daripada kata kerja latin iaitu *competere* yang bermaksud to be suitable iaitu sesuatu yang bersesuaian (Yusof, 2003) yang telah dimuatkan dalam kajian Syed Jaafar (2014) . Menurut Sutton (2004), kompetensi bermaksud gabungan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk melaksanakan kerja yang cekap dan unggul. Selain itu, kompetensi juga merupakan pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan dalam melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Menurut Kamus Dwibahasa Dewan, kompetensi adalah istilah bahasa Inggeris iaitu *competence* yang membawa maksud





kelayakan, kemampuan, kesanggupan, dan kecekapan dalam melakukan sesuatu tugas (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999)

Menurut Daud Ibrahim (2003) disokong oleh Saedah Siraj dan Mohammed Sani (2012) kompetensi membawa maksud “competence, proficiency, skillful and skill”. Kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan tiga tunjang utama iaitu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki oleh seseorang serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu bagi pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas model kompetensi ialah prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan lebih berkesan jika beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang dipegangnya. Sebagai contoh, pengkhususan dalam sesuatu bidang dan kekerapan melakukan sesuatu tugas yang akan membolehkan seseorang melaksanakan tugasnya dengan berkesan dan cemerlang. Selain itu, kompetensi dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas yang disandang oleh seseorang (Mohammed Sani Ibrahim et al, 2015). Agus Darma (2003) dalam kajian Saedah Siraj (2012) mentakrifkan kompetensi sebagai kemampuan atau kecekapan yang ditunjukkan seseorang ketika melakukan sesuatu.





Kesimpulannya kompetensi bolehlah secara umumnya merupakan keupayaan seseorang guru KAFA bagi mencapai matlamat interaktif dalam konteks pergaulan yang khusus dengan menggunakan cara yang diterima serta menghasilkan natijah yang positif dan memberikan signifikan kepada unsur yang lain. Kecekapan atau kompetensi (competency) bolehlah ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang guru KAFA mengeluarkan sesuatu hasil yang dipersetujui bersama melalui syarat-syarat yang telah ditentukan tahap pengukurannya. Secara khusus ia merupakan satu ukuran yang telah ditetapkan untuk seorang guru KAFA dalam menguasai peringkat kompetensi yang diperlukan untuk memenuhi aspirasi pelajar dan masyarakat.

1.10.3 Guru

Guru yang dilantik oleh agensi bertanggungjawab yang mengajar KAFA menggunakan kurikulum JAKIM sepenuhnya serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JAKIM dan tidak termasuk guru yang mengajar Al-Quran sahaja atau Fardu Ain sahaja. (Buku Garis Panduan KAFA ,2016). Selain itu, Menurut Ee (2003) dalam kajian Syed Jaafar (2014) guru ialah sebagai individu yang mempunyai tauliah untuk





menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara membimbing pelajarnya-pelajarnya berdasarkan kepada kurikulum yang telah di sediakan. Dengan ini guru KAFA merupakan guru yang akan menyampaikan ilmu agama islam kepada murid dibawah program KAFA.

1.10.4 Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA)

Kelas Al-Quran Dan Fardhu Ain (KAFA) mula dilaksanakan pada tahun 1990 hasil daripada keputusan mesyuarat Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang bersidang pada 17 Januari 1989 dan kemudian diluluskan pelaksanaannya oleh mesyuarat jemaah menteri pada 13 September 1989. Dasar pelaksanaan KAFA sebagaimana diputuskan oleh Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dan dipersetujui oleh Kabinet ialah dilaksanakan oleh negeri-negeri manakala kerajaan persekutuan menyediakan peruntukan kewangan yang secukupnya bertujuan membantu negeri-negeri dalam melaksanakan program – program KAFA bagi membasmi buta al-Quran diseluruh negara (Hafizul Rasdi, Abdul Razak Abdul Kadir, Huzaimah Ismail & Fatimah Hamrie, 2016).





Objektif yang di senaraikan ialah Untuk Mewujudkan suatu sistem kelas pengajian al-Quran dan fardhu Ain yang kemas, seragam dan bersepadu di seluruh Negara. Yang kedua ialah untuk memastikan semua kanak-kanak di Negara ini yang berumur antara 6 tahun hingga 12 tahun (satu – enam) dapat membaca al-Quran dengan betul dan dapat mempelajari serta mengamalkan perkara-perkara asas yang menjadi fardhu kepada seseorang Islam seperti Fiqh, Tauhid, Sirah, Akhlak, Tulisan Jawi dan Bahasa Arab. Yang ketiga ialah untuk memperkukuhkan asas pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah kebangsaan bagi memastikan murid-murid di sekolah tersebut mencapai tahap yang tinggi dalam pendidikan Islam, khususnya kemahiran dalam pembacaan al-Quran dan beramal dengan perkara-perkara yang fardhu. Konsep Program KAFA adalah berkonsepkan Pendidikan Agama Peringkat Rendah bagi menyokong dan memperkukuhkan pendidikan Islam yang dilaksanakan di bawah sisitem pendidikan kebangsaan dengan memberi penekanan dan tumpuan kepada amali dan kemahiran membaca al-Quran mengikut tajwid disamping memberi kemahiran dalam penulisan dan pembacaan jawi.





1.10.5 Sekolah Agama Negeri Johor Darul Ta'zim

Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ) Darul Ta'zim merupakan sekolah agama peringkat sekolah rendah di Negeri Johor. Ia merupakan tempat sekolah bagi murid sekolah rendah belajar tentang pendidikan islam secara mendalam. Dan ia dibawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Johor Negeri Johor(Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011).

Sekolah Agama Kerajaan Johor merupakan sekolah-sekolah pendidikan Islam yang ditadbir terus oleh Kerajaan Johor melalui Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Johor. Sekolah Agama Kerajaan Johor diwujudkan atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor dengan menggunakan perantaraan Bahasa Melayu secara percuma bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh pihak pemerintah (Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011).

Kerajaan Negeri Johor terbabit secara langsung dalam sistem pendidikan agama sejak 1895 lagi apabila Sultan Abu Bakar mewujudkan perlembagaan bertulis bagi negeri ini. Sejak daripada tarikh itu, Kerajaan





Negeri Johor di bawah pentadbiran Sultan Abu Bakar terus menunjukkan keprihatinan yang mendalam berhubung pendidikan agama. Hasil keprihatinan ini, masyarakat Islam negeri Johor meraih manfaat yang besar sehinggalah amalan menghantar anak untuk mengikuti pengajian agama sudah menjadi sebahagian daripada budaya orang Johor. Apa yang membezakan sekolah-sekolah agama di Johor dengan negeri-negeri lain ialah Kerajaan Negeri Johor sejak awal lagi telah secara agresif mengambil alih sekolah-sekolah ini, manakala di negeri lain sekolah agama dibiarkan berkembang dengan sendiri. Sekolah-sekolah agama persendirian ini ternyata kemudiannya mempunyai pengaruh yang cukup besar dalam sistem politik dan sosial di negeri-negeri berkenaan.

Kini, Sekolah Agama Negeri Johor (SANJ) telah diterima oleh masyarakat Islam Johor sebagai satu keperluan walaupun di masa yang sama anak-anak mereka mendapat pendidikan agama menerusi matapelajaran pendidikan Islam yang diajar di Sekolah Rendah dan Menengah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehingga tahun 2002 jumlah murid ialah 212,030 orang yang melibatkan 3,168 orang guru (Amin M. H. & Jasmi K. A. 2011). Antara Contoh-Contoh Sekolah Agama Negeri Johor ialah Sekolah Agama Sungai Tiram, Sekolah Agama Taman Bukit Tiram, Sekolah Agama Felda Ulu Tebrau, Sekolah Agama





Dato' Abdullah Esa, Sekolah Agama Taman Daya, Sekolah Agama Taman Johor Jaya, Agama Taman Desa Jaya, Sekolah Agama Desa Cemerlang, Sekolah Agama Bandar Tiram dan Sekolah Agama Taman Mount Austin(Jabatan Agama Negeri Johor, 2019)

1.11 PENUTUP

Penulisan ini hanya menjelaskan secara menyeluruh mengenai data-datalain yang menjadi objektif kajian ini lebih baik kerana ia telah diagihkan kepada beberapa tugas kerja yang lain dalam penulisan ini. Penulisan inimengenai tahap komitmen guru, perbezaan kompetensi guru mengikut demografi. Kajian secara kuantitatif ini sangat terbatas kerana peruntukan yang disediakan masih belum mencukupi tambahan pula ia memerlukan masa yang banyak untuk diteliti dengan baik. Tenaga dan idea juga banyak yang perlu dikerahkan bagi memastikan kajian ini benar-benar berkesan dan sempurna. Kajian hanya melihat gambaran kepada tahap kompetensi guru KAFA mengikut pengetahuan kurikulum KAFA, pengetahuan pedagogi terhadap program KAFA, pelaksanaan penilaian terhadap murid program KAFA dan profesional kerja dan





profesional sosial. Namun kajian ini sudah memadai sebagai kajian awal bagi melihat tahap kompetensi guru KAFA.

